

16 JUN 1999
MERRILL LYNCH-PEMULIHAN
M'SIA MARA KE ARAH PEMULIHAN

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Bank pelaburan antarabangsa Merrill Lynch berkata pengeluaran industri dan perangkaan perdagangan yang mengkagumkan bagi April telah menambahkan kepercayaannya bahawa ekonomi Malaysia sedang mara dengan teguhnya ke arah pemulihan.

Katanya lebih dagangan berjumlah RM6.2 bilion pada bulan April dan Indeks Pengeluaran Perusahaan (IPP) sebanyak +2.6 peratus, yang merupakan peningkatan positif bagi bulan ketiga berturut-turut, bahawa arah aliran pemulihan ekonomi mantap.

"Pengeluaran perusahaan terus meningkat, dagangan terus mencerminkan arah aliran peningkatan import yang membanggakan dan eksport yang kukuh," kata pengurus dana itu dalam ulasannya yang dikeluarkan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) hari ini.

Merrill Lynch merasakan bahawa perbelanjaan sektor awam dan swasta akan bertambah dengan kukuhnya dalam bulan-bulan akan datang, dengan maklum balas industri yang membayangkan bahawa perbelanjaan fiskal kerajaan mulai berhasil.

"Kadar faedah yang rendah, beserta dengan bank-bank yang agresif boleh merangsang perbelanjaan sektor swasta, khususnya bagi harta," katanya.

Anggaran yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini tentang penguncupan 1.6 peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama 1999 agak rendah berbanding penguncupan 1.5 hingga 2.0 peratus yang diramalkan oleh Merrill Lynch.

"Kita juga telah mula nampak beberapa tanda bahawa kerajaan sedang melaksanakan perbelanjaan fiskal bagi prasarana," katanya.

Mengenai perbankan, pengurus dana itu mendapati bahawa beberapa bank telah mulai memberi tawaran yang lebih baik daripada yang lain dalam pemberian pinjaman gadaijanji perumahan.

"Kami percaya mungkin akan berlaku perang harga, yang akan meningkatkan daya kemampuan dan membawa petanda baik kepada industri hartanah," tambahnya.

-- BERNAMA
RIZ KY MA